

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**SOALAN NO. 5**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor perubatan berbanding dengan pesakit bagi negara ini dan adakah ianya memenuhi piawaian WHO dan nyatakan bilangan doktor pakar mengikut bidang pada masa kini serta langkah Kementerian bagi meningkatkan bilangan doktor pakar di negara ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Indikator yang digunakan oleh pihak antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah nisbah doktor kepada penduduk dan bukan nisbah doktor kepada pesakit. WHO tidak pernah menyarankan nisbah tertentu bagi doktor kepada penduduk. Sehingga 1 Januari 2018, nisbah doktor (Kerajaan dan swasta) kepada penduduk di Malaysia ialah 1:554 berbanding 1:758 pada tahun 2012 dan 1:1,105 pada tahun 2007. Nisbah ini secara tidak langsung menunjukkan peningkatan jumlah doktor saban tahun. Nisbah doktor kepada penduduk bagi negara yang berpendapatan tinggi seperti United Kingdom adalah 1:356 pada tahun 2017 berbanding negara berpendapatan rendah seperti India adalah 1:1286 pada tahun 2017.

Bilangan Pegawai Perubatan Pakar di seluruh Negara sehingga 31 Ogos 2019 adalah seramai 4,629 orang mengikut bidang kepakaran seperti berikut :

## NO SOALAN : 5

|                               |   |               |
|-------------------------------|---|---------------|
| a) Kecemasan                  | - | 296 orang;    |
| b) Perubatan Am               | - | 674 orang;    |
| c) Pembedahan                 | - | 311 orang;    |
| d) O&G                        | - | 328 orang;    |
| e) Pediatrik/ Bedah Pediatrik | - | 442 orang;    |
| f) Ortopedik                  | - | 330 orang;    |
| g) Anestesiologi              | - | 504 orang;    |
| h) Oftalmologi                | - | 244 orang;    |
| i) Otorinolaringologi         | - | 165 orang;    |
| j) Dermatologi                | - | 31 orang;     |
| k) Neurologi                  | - | 12 orang;     |
| l) Nefrologi                  | - | 47 orang;     |
| m) Neuro Surgeri              | - | 51 orang;     |
| n) Urologi                    | - | 13 orang;     |
| o) Surgeri Plastik            | - | 32 orang;     |
| p) Radioterapi & Onkologi     | - | 29 orang;     |
| q) Radiologi                  | - | 314 orang;    |
| r) Patologi                   | - | 378 orang;    |
| s) Kardiothorasik             | - | 17 orang;     |
| t) Kardiologi                 | - | 24 orang;     |
| u) Nuklear                    | - | 25 orang;     |
| v) Respiratori                | - | 24 orang;     |
| w) Psikiatri                  | - | 202 orang;    |
| x) Rehabilitasi               | - | 66 orang;     |
| y) Perubatan Transfusi        | - | 41 orang; dan |
| z) Forensik                   | - | 29 orang.     |

Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai insentif bagi menarik minat doktor dan doktor pakar perubatan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan serta pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional dan pengambilan doktor pakar perubatan luar Negara secara kontrak dalam bidang kritikal yang kurang pakar seperti *Cardiothoracic Surgery*.

Sekian, terima kasih.